

17 MAR 2001

KELEWATAN EDARAN FAR EASTERN BUKAN KERANA HENTAM DR MAHATHIR

KULIM, 17 Mac (Bernama) -- Kelewatan pengedaran dua keluaran majalah Far Eastern Economic Review di pasaran tempatan adalah disebabkan oleh pengedar dan pencetaknya tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin.

Beliau menolak anggapan bahawa kedua-dua keluaran majalah itu masih belum berada di pasaran tempatan kerana majalah itu sering mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak benar anggapan macam tu," katanya semasa menjawab soalan pemberita selepas merasmikan seminar Keselamatan Negara di Alaf Baru anjuran Persatuan Belia Saga Kulim di sini hari ini.

Beliau berkata sudah menjadi lumrah kepada akhbar dan majalah asing untuk mengecam Dr Mahathir.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang mengawasi pihak-pihak yang menyebarkan khabar angin yang telah mencetuskan situasi tidak aman di Kampung Medan di Selangor.

"Kerajaan tidak ada pilihan kecuali mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang membawa berita palsu yang mengeruhkan keadaan keselamatan di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

AP AKD